



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

**KESAN PEMBELAJARAN KOPERATIF TEAMS-GAMES-TOURNAMENT (TGT)
TERHADAP PENCAPAIAN MURID TAHUN 4 DALAM
MENGIMPROVISASI IDEA MUZIK**

MAIZATUL SAFINA BINTI ZAINUDDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MUZIK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

KESAN PEMBELAJARAN KOPERATIF TEAMS-GAMES-TOURNAMENT (TGT) TERHADAP PENCAPAIAN MURID TAHUN 4 DALAM MENGIMPROVISASI IDEA MUZIK

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat kesan kaedah pembelajaran koperatif Teams-Games-Tournament (TGT) terhadap pencapaian murid dalam mengimprovisasi idea muzik berbanding kaedah tradisional. Reka bentuk kuasi-eksperimen ujian pra pasca kumpulan-kumpulan tidak seimbang (Pre Test-Post Test, Non-equivalent Control Group Design) digunakan dalam kajian ini. Responden terdiri daripada 54 orang murid tahun 4 DediKasi dan 4 Cemerlang SK Pengkalan. Kedua-dua kumpulan diberikan ujian pra untuk menguji kemahiran dan melihat sama ada kumpulan tersebut memperoleh keputusan setara atau tidak. Selepas melalui tiga sesi pembelajaran, kedua-dua kumpulan telah diberi ujian pos untuk melihat kesan kaedah pembelajaran yang digunakan. Kumpulan eksperimen diberi rawatan menggunakan kaedah pembelajaran koperatif TGT manakala kumpulan kawalan menggunakan kaedah tradisional. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan terhadap min skor ujian pra dan pos. Ujian T adalah signifikan $t (52) = 7.238$, $p < .000$. Ini membuktikan bahawa kaedah pembelajaran koperatif TGT dapat meningkatkan pencapaian murid dalam mengimprovisasi idea muzik. Di samping itu, hasil kajian ini memberi implikasi ke atas gaya pembelajaran murid dan telah menyumbang kepada bidang Pendidikan Muzik dengan menemukan kaedah pengajaran muzik yang berasaskan pembelajaran koperatif TGT.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi

THE EFFECTS OF COOPERATIVE LEARNING TEAMS-GAMES-TOURNAMENT (TGT) TOWARDS YEAR 4 STUDENT ACHIEVEMENT IN MUSIC IMPROVISATION

ABSTRACT

Based on the findings of the School-Based Assessment (PBS) Year 4 Education, almost all pupils did not manage to master the level of mastery 5 that is to improve the idea of music to produce music. Pupils are seen to be struggling to do improvisation and do not take on the proliferation of ideas that lead to the improvisation process. Therefore, this study aimed to look into the effect of co-operative learning method Teams-Games-Tournament (TGT) on student achievement in the development of musical ideas rather than traditional methods. The quasi-experimental design (Pre Test-Post Test, Non-equivalent Control Group Design) was used in this study. A total of 54 students from year 4 Dedikasi and 4 Cemerlang SK Pengkalan were involved in this research. Both groups were given pre-test to test their skills and recognise whether the group is equivalent or not. After going through three learning sessions, both groups were given a post test to see the impact of the learning method used. Experimental groups were given treatment using Teams-Games-Tournament (TGT) co-operative learning methods while the control group used traditional p methods. The findings show that there were significant differences between the experimental group and the control group against the pre and post test score min. The t-test does produce significant result of $t(52) = 7.238$, $p = .000$. This proves that Teams-Games-Tournament (TGT) cooperative learning methodology can enhances student achievement in improving the music idea. In addition, the results of this study have implicated students' learning styles and have contributed to the Music Education field by finding a method of teaching based on TGT cooperative learning.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shahptbupsi
vi

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
vi



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii



1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah Kajian	7
1.4	Kerangka Konseptual	14
1.5	Objektif Kajian	16
1.6	Persoalan Kajian	16
1.7	Hipotesis Kajian	17
1.8	Kepentingan Kajian	18
1.9	Batasan Kajian	19
1.10	Definisi Operasional	20
	1.10.1 Pembelajaran Koperatif	21





1.10.2 Pembelajaran Koperatif Teams-Games-Tournament (TGT)	21
--	----

1.10.3 Pembelajaran Tradisional	22
---------------------------------	----

1.10.4 Teori Sosial Konstruktivisme	22
-------------------------------------	----

1.10.5 Improvisasi Muzik	23
--------------------------	----

1.11 Rumusan	23
--------------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	24
----------------	----

2.2 Pembelajaran Koperatif	25
----------------------------	----

2.3 Pembelajaran Koperatif Teams-Games-Tournament (TGT)	31
---	----

2.4 Improvisasi Muzik	36
-----------------------	----

2.5 Sorotan Kajian Pembelajaran Koperatif di Malaysia	39
---	----



BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	42
----------------	----

3.2 Reka Bentuk Kajian	43
------------------------	----

3.3 Pemboleh Ubah Tidak Bersandar dan Pemboleh Ubah Bersandar	47
---	----

3.4 Ancaman Terhadap Kesahan Dalaman	48
--------------------------------------	----

3.5 Populasi dan Sampel	50
-------------------------	----

3.6 Instrumentasi	51
-------------------	----

3.7 Penganalisaan Data	53
------------------------	----

3.8 Rumusan	55
-------------	----





BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	57
4.2	Ujian Kenormalan Data	60
4.3	Analisis Data Ujian Pra Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	61
4.3.1	Ujian T Sampel Bebas	61
4.4	Analisis Data Ujian Pra dan Pos Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	63
4.4.1	Ujian T Sampel Bebas	63
4.4.2	Ujian T Sampel Berpasangan	64
4.5	Ujian Analysis of Covariance (ANCOVA)	66
4.6	Persoalan Kajian	67
4.7	Rumusan	68



5.1	Pengenalan	70
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	71
5.3	Kesimpulan Dapatan Kajian	73
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	75
5.5	Cadangan untuk Kajian Masa Depan	77
5.6	Rumusan	79
	RUJUKAN	80

LAMPIRAN





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
1.1 Analisa keputusan PBS tahun 2014, 2015, 2016	8
4.1 Profil pelajar mengikut jantina dan kaum kumpulan kawalan	59
4.2 Profil pelajar mengikut jantina dan kaum kumpulan eksperimen	59
4.3 Ujian Kenormalan Data	60
4.4 Ujian Levene untuk Mengenal Pasti Kehomogenan Varians	62
4.5 Ujian T Sampel Bebas Ujian Pra Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	62
4.6 Ujian T Sampel Bebas Ujian Pos Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	63
4.7 Ujian T Sampel Berpasangan Ujian Pra dan Pos Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	64
4.8 Pekali Korelasi Pearson	65
4.9 Analisis of Covariance (ANCOVA)	66



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Modul 2 DSKP KSSR Pendidikan Muzik Tahun 4	9
1.2 Standard Prestasi Pendidikan Muzik KSSR	11
1.3 Kerangka Konseptual	15
3.1 Reka Bentuk Kuasi Eksperimen	46
3.2 Carta Alir Prosedur Kajian	47



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Maklumat Murid (Kumpulan Kawalan)
- A1 Borang Maklumat Murid (Kumpulan Eksperimen)
- B Borang Maklumat Guru
- C Surat Kebenaran Ibu Bapa Penjaga
- D Senarai Semak Ujian Pra Kumpulan Eksperimen
- D1 Senarai Semak Ujian Pra Kumpulan Kawalan
- E Senarai Semak Ujian Pos Kumpulan Eksperimen
- E1 Senarai Semak Ujian Pos Kumpulan Kawalan
- F Rubrik Pemarkahan Ujian Pra
- G Rubrik Pemarkahan Ujian Pos
- H RPH Ujian Pra Kumpulan Eksperimen
- H1 RPH Ujian Pra Kumpulan Kawalan
- I RPH Pembelajaran Koperatif TGT Kumpulan Eksperimen
- I1 RPH Pembelajaran Koperatif TGT Kumpulan Eksperimen (Ujian Pos)
- J Aktiviti Pembelajaran Improvisasi
- K RPH Tradisional Kumpulan Kawalan
- K1 RPH Tradisional Kumpulan Kawalan (Ujian Pos)
- L Soalan Melodi Ujian Pra
- M Soalan Melodi Ujian Pos
- N Carta Kejohanan Mingguan
- O Carta Markah Kumpulan Mengikut Minggu





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Pembelajaran koperatif amat sinonim dalam dunia pendidikan baik di Malaysia maupun di peringkat antarabangsa. Para pendidik seantero dunia berusaha sedaya upaya untuk mengaplikasikan pembelajaran koperatif agar objektif pembelajaran tercapai dan kesan sosial dirasai oleh murid. Para penyelidik pula melakukan pelbagai kajian dan penyelidikan dalam memberikan bukti empirikal tentang keberkesanan strategi pembelajaran ini.

Terdapat pelbagai definisi dan tafsiran tentang pembelajaran koperatif yang dikemukakan oleh para sarjana. Menurut Slavin (1995), pembelajaran koperatif melibatkan kepelbagaian kaedah pengajaran yang memerlukan sekumpulan kecil



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



murid bekerjasama dan saling bantu-membantu antara satu sama lain dalam memahami isi pembelajaran. Sesebuah kelas yang mengamalkan pembelajaran koperatif akan menghasilkan murid yang dapat bekerjasama, saling tolong-menolong, berbincang, berdebat dan dapat berkongsi pengetahuan serta saling mengisi kekurangan yang dihadapi dalam memahami isi pembelajaran. Dalam erti kata lain, murid perlu belajar bersama-sama di dalam satu kumpulan. Bukan melakukan sesuatu secara individu di dalam satu kumpulan.

Li & Lam (2013) menyatakan, pembelajaran koperatif wujud apabila sekumpulan pelajar bergabung tenaga untuk mencapai objektif pembelajaran masing-masing dan juga ahli kumpulan. Manakala Johnson, Johnson, & Smith, (2013) menegaskan, pembelajaran koperatif merupakan strategi pembelajaran yang



pembelajaran yang maksimum untuk diri sendiri dan juga ahli kumpulan yang lain. Deutch, 1962; Johnson & Johnson, 1989 (disebut dalam Johnson & Johnson 1996), menyatakan dalam situasi pembelajaran koperatif, terdapat saling kebergantungan antara pelajar dalam mencapai matlamat pembelajaran. Pelajar percaya bahawa mereka boleh mencapai objektif pembelajaran jika semua ahli kumpulan turut mencapai objektif pembelajaran mereka.

Panitz (dipetik dalam Li & Lam, 2013) turut menyatakan definisi yang sama dan menambah bahawa pelajar tidak diberi kuasa sepenuhnya. Guru masih perlu mengekal dan mengawal persekitaran pembelajaran, reka bentuk aktiviti pembelajaran dan struktur kerja berpasukan. Ini bermakna, pengajaran dan pembelajaran secara koperatif memerlukan murid di dalam kumpulan kecil yang





mempunyai pelbagai kebolehan melakukan tugas dengan bimbingan guru, saling bertukar idea melalui perbincangan atau menyumbangkan kemahiran masing-masing dengan tujuan untuk menyelesaikan masalah atau menjalankan sesuatu projek yang ditugaskan.

Pembelajaran koperatif merupakan strategi pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Dalam pembelajaran koperatif, pelajar dikehendaki bekerjasama, berinteraksi dan saling bantu-membantu antara satu sama lain untuk mendapatkan ilmu dan kemahiran sekali gus mencapai objektif pembelajaran. Pencapaian individu dalam kumpulan tidak bermakna jika ada di kalangan anggota yang lain masih belum mencapai tahap yang dikehendaki. Setiap pelajar juga perlu bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri dan semua ahli kumpulan. Jika pelajar itu ingin



berlawanan dengan pembelajaran secara kompetitif yang memaksa murid-murid bersaing sesama sendiri untuk memperoleh gred A yang sudah pasti tidak semua murid boleh mencapainya (Johnson, Johnson, & Smith, 2013).

Belajar secara berseorangan akan menyebabkan pelajar merasa terasing, motivasi diri menurun, timbul kebosanan, kekecewaan, kebimbangan dan persepsi bahawa pembelajaran sesuatu yang tidak menyeronokkan (Johnson & Johnson, 1996). Justeru, strategi pembelajaran koperatif sangat sesuai dalam kelas dengan kumpulan murid yang pelbagai kebolehan. Kumpulan yang disebut sebagai “heterogeneous” ini dapat menggalakkan saling kebergantungan positif, menghargai, menyokong dan menghormati sesama murid. Sekali gus berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang harmoni.





Dalam konteks pendidikan muzik di Malaysia, pembelajaran koperatif tidak begitu popular jika dibandingkan dengan strategi dan kaedah pengajaran yang dipelopori oleh Emile Jaques Dalcroze, Zoltan Kodaly, Carl Orff, Shinuchi Suzuki, dan Edwin Gordon. Tidak dinafikan bahawa strategi serta kaedah pembelajaran yang dipelopori oleh tokoh-tokoh di atas turut melibatkan murid melakukan aktiviti di dalam satu kumpulan. Cuma, elemen-elemen asas pembelajaran koperatif seperti saling kebergantungan positif, akauntabiliti individu, interaksi bersemuka, kemahiran sosial dan pemprosesan kumpulan tidak dinyatakan dengan jelas dalam kaedah pengajaran tokoh-tokoh terbabit.

Namun begitu, terdapat beberapa penulisan dan penyelidikan yang dibuat oleh para sarjana dalam usaha untuk mengimplementasikan dan menggabung jalin



American Orff-Schulwerk Association (AOSA) merupakan salah seorang yang menulis tentang pengintegrasian pembelajaran koperatif dengan kaedah Orff-Schulwerk. Menurut Huffman (2014) dalam artikel beliau yang bertajuk '*Cooperative Learning Strategies*', kerja kumpulan kadang kala tidak begitu berjaya seperti yang dibayangkan. Banyak boleh ubah yang wujud apabila meletakkan murid-murid di dalam satu kumpulan untuk menyempurnakan tugas. Bukan semua murid tahu dan arif dengan tugas secara bekerjasama. Kemahiran bekerjasama ini perlu diajar, dibincangkan dan dipraktikkan agar kerjasama yang dikehendaki berjalan seperti yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, selepas beliau mengimplementasikan pembelajaran koperatif, kerjasama yang dijalankan membawakan hasil dan menunjukkan peningkatan.





Chapman (2015), dalam kajian beliau iaitu “Meneroka Perspektif Guru Terhadap Pembelajaran Koperatif Bagi Tajuk Muzik Kreatif di dalam Bilik Darjah Orff Schulwerk” menyatakan bahawa pembelajaran koperatif boleh menjadi alat pengajaran dan pembelajaran yang paling berguna untuk mengajar konsep jika distruktur dengan sewajarnya. Beliau turut menyatakan, untuk memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21, pendidik muzik perlu aktif menjalankan kajian yang berkaitan dengan pembelajaran muzik, serta menilai kaedah dan proses pengajaran agar dapat memenuhi keperluan murid dan masyarakat yang sering berubah-ubah.

1.2 Latar Belakang Kajian



kebangsaan mempelajari mata pelajaran pendidikan muzik di bawah kurikulum baru iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Terdapat empat modul kurikulum yang utama iaitu modul pengalaman muzikal (60%), modul penghasilan muzik (20%), modul apresiasi muzik (10%) dan modul membaca dan menulis notasi muzik (10%). Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Muzik Tahun 4, standard pembelajaran 2.1.3, di bawah modul penghasilan muzik, murid perlu mencipta dan menyanyikan melodi mudah iaitu mengajuk melodi dan mengimprovisasi ‘jawapan’ kepada ‘soalan’ melodi yang diberikan. Dapatan Pelaporan Pendidikan Muzik Tahun 4 Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) bagi tiga tahun iaitu 2014, 2015 dan 2016 menunjukkan 62% murid hanya melepas tahap penguasaan 4. Apabila sampai kepada tahap penguasaan 5 iaitu mengimprovisasi idea muzik yang diberi untuk menghasilkan karya muzik, murid perlu dibantu dengan





jawapan berpandu seperti yang terdapat dalam buku Panduan Pengajaran Pendidikan Muzik Tahun 4.

Ilmu pengetahuan tidak diterima secara pasif tetapi dibina melalui kemahiran kognitif. Proses pembelajaran juga bersifat sosial konstruktif iaitu interaksi sosial murid di dalam kelas digabungkan bersama pemikiran kritis (Powell & Kalina, 2009). Tindakan guru memberi jawapan tidak membantu perkembangan kognitif murid. Guru sepatutnya membimbing murid membina pengetahuan melalui proses pembelajaran yang lebih bermakna. Murid belajar melalui pemahaman yang dibentuk berdasarkan pengalaman dan interaksi dengan persekitaran. Guru juga perlu menggalakkan murid menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).



yang lebih efektif agar masalah yang dialami oleh murid dapat diatasi. Seiring dengan fenomena pembelajaran abad ke-21 yang sedang giat diimplementasikan dalam dunia pendidikan pada masa kini, kaedah pembelajaran koperatif seperti Teams-Games-Tournament (TGT) dirasakan amat sesuai untuk kegunaan para pendidik di Malaysia. Oleh yang demikian, pengkaji ingin melihat sejauh mana kesan penggunaan strategi pembelajaran koperatif menggunakan teknik (TGT) ini dalam meningkatkan kefahaman dan pencapaian murid berbanding dengan kaedah sedia ada.

Pengalaman mengajar pendidikan muzik selama sebelas tahun membuatkan

pengkaji begitu memahami keperluan murid di sekolah pinggir bandar Ipoh. Kebanyakan murid di sini tidak terdedah dengan pembelajaran muzik di luar waktu sekolah seperti kelas pembelajaran piano, gitar, violin dan lain-lain. Pengetahuan





tentang teori muzik amat sedikit. Berbeza dengan sekolah-sekolah di bandar, kebanyakan murid diantar oleh ibu bapa untuk menghadiri kelas muzik di pusat muzik seperti Yamaha, Ebony Guitar, Joyous dan sebagainya. Secara tidak langsung, pengetahuan sedia ada murid tersebut dalam teori muzik agak baik. Namun perkara sebegini bukan satu masalah yang besar bagi pengkaji. Sebagai seorang pendidik muzik, pengkaji sentiasa memikirkan idea-idea baru yang boleh digunakan dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. Pengkaji percaya terdapat pelbagai pendekatan, strategi, kaedah dan teknik yang boleh digunakan dalam membantu murid mencapai objektif pembelajaran sekali gus meningkatkan mutu pembelajaran pendidikan muzik.

Chapman (2015) turut mencadangkan bahawa satu penyelidikan kuantitatif perlu dijalankan pada masa akan datang untuk melihat jika terdapat perbezaan yang



Hosterman (1992), mengesyorkan beberapa persoalan yang perlu dikaji berkaitan pembelajaran koperatif ini. Antara persoalan yang dikemukakan ialah, mampukah strategi pembelajaran koperatif diaplikasikan secara efektif dalam pembelajaran apresiasi muzik untuk murid sekolah rendah?

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Kajian ini akan dilakukan ke atas murid tahun 4 di salah sebuah sekolah di Perak. Berdasarkan dapatan Pelaporan Pendidikan Muzik Tahun 4 Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) yang direkodkan secara luar talian bagi tiga tahun berturut-turut iaitu





2014, 2015 dan 2016, hampir kesemua murid tidak berjaya menguasai tahap penguasaan 5 iaitu mengimprovisasi idea muzik yang diberi untuk menghasilkan karya muzik. Murid juga terlalu jauh untuk mencapai tahap penguasaan 6 iaitu mencipta karya muzik untuk mengiringi persembahan. Pada tahun 2014, bagi standard pembelajaran 2.1.3 iaitu mencipta dan menyanyikan melodi mudah (mengimprovisasi 'jawapan' kepada 'soalan' melodi yang diberikan), 1% murid mencapai tahap penguasaan 2 iaitu mengenal pasti kesan bunyi yang didengar, 31% murid mencapai tahap penguasaan 3 iaitu mengaplikasikan pengetahuan muzik yang sesuai untuk menghasilkan kesan bunyi dan 68% murid mencapai tahap penguasaan 4 iaitu mengaplikasikan pengetahuan muzik untuk menghasilkan kesan bunyi berdasarkan situasi yang diberi. Pada tahun 2015, 6% murid mencapai tahap penguasaan 2, 30% murid mencapai tahap penguasaan 3 dan 64% murid mencapai tahap penguasaan 4.



tahap penguasaan 4 dan hanya 2% murid mencapai tahap penguasaan 5. Rujuk jadual 1.3 untuk analisa keputusan PBS dan rajah 1.3.1 untuk DSKP KSSR tahun 4.

Jadual 1.1

Analisa Keputusan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) Tahun 2014, 2015 dan 2016.

Tahun	2014				2015				2016	
Tahap Penguasaan	2	3	4	2	3	4	3	4	5	
	1%	31%	68%	6%	30%	64%	43%	55%	2%	





STAN DARD KANDU NGAN	STANDARD PEMBELAJA RAN	STANDARD PRESTASI					
		TAHAP PENGUASAAN					
		1	2	3	4	5	6
2.1 Menghasilkan idea muzikal kreatif	<p>2.1.1 Menghasilkan kesan bunyi menggunakan perkusi.</p> <p>2.1.2 Mencipta corak irama mudah</p> <p>2.1.3 Mencipta dan menyanyikan melodi mudah.</p> <ul style="list-style-type: none"> - mengajuk melodi - mengimprovisasi 'jawapan' kepada 'soalan' melodi yang diberikan 	Mengajuk corak irama dan melodi yang didengar.	Mengenal pasti kesan bunyi yang didengar.	Mengaplikasikan pengetahuan muzik yang sesuai untuk menghasilkan kesan bunyi yang sesuai.	Mengaplikasikan pengetahuan muzik untuk menghasilkan kesan bunyi berdasarkan situasi yang diberi.	Mengimproviasi idea muzik yang diberi untuk menghasilkan kesan bunyi berdasarkan situasi yang diberi.	Mencipta karya muzik untuk mengiringi persembahan.



Rajah 1.1. Modul 2, Penghasilan Muzik Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Muzik Tahun 4

Aktiviti yang dicadangkan seperti di dalam buku panduan pengajaran dan buku teks hanya sesuai untuk standard pembelajaran 2.1.1 iaitu menghasilkan kesan bunyi menggunakan perkusi. Buku Teks Pendidikan Muzik KSSR Tahun 4 (muka surat 46 dan 47) turut menyediakan contoh aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid. Namun begitu, aktiviti ini hanya sesuai untuk standard pembelajaran 2.1.2 iaitu mencipta corak irama mudah. Standard pembelajaran 2.1.3 pula sebaliknya





mengkehendaki murid mencipta dan menyanyikan melodi mudah iaitu mengajuk melodi dan mengimprovisasi 'jawapan' kepada 'soalan' melodi yang diberikan. Bagi mencapai tahap penguasaan 5, murid perlu melakukan aktiviti yang menepati standard pembelajaran 2.1.3.

Merujuk standard prestasi pendidikan muzik pula, tafsiran kognitif untuk tahap penguasaan 5 ialah murid boleh mengimprovisasikan idea muzik untuk menghasilkan karya muzik. Jika strategi dan kaedah pembelajaran dan pengajaran yang digunakan bersifat sehala dan berpusatkan guru, kemahiran mengimprovisasikan idea muzik untuk menghasilkan karya muzik mungkin tidak dapat dicapai. Tambahan pula masa pembelajaran dan pengajaran pendidikan muzik telah dipendekkan menjadi 30 minit seminggu, dikhuatiri murid tidak mencapai tahap kognitif yang ditetapkan.



Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Muzik Tahun 4. Rujuk rajah 1.3.1.





TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5	<p>Kognitif</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengimprovisasi idea muzik untuk menghasilkan karya muzik. (Modul Penghasilan Muzik) - Membicarakan muzik pilihan sendiri dengan mengaplikasikan pengetahuan muzik. (Modul Muzik Apresiasi) - Menulis notasi muzik pada baluk dengan betul dan tepat. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik) <p>Psikomotor (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bernyanyi/Bermain alat muzik/dengan mengaplikasikan elemen muzik secara konsisten. (Modul Pengalaman Muzikal) - Membuat interpretasi melalui pergerakan terhadap muzik yang didengar. (Modul Pengalaman Muzikal) <p>Afektif (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik dan menjadi contoh kepada murid lain.
<p>6</p> <p>05-4506832</p> <p> pustaka.upsi</p>	<p>Kognitif</p> <p> Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mencipta karya muzik. (Modul Penghasilan Muzik) - Membuat penilaian muzik pilihan sendiri dengan mengaplikasikan pengetahuan muzik untuk mengenal pasti identiti utama muzik tersebut. (Modul Muzik Apresiasi) - Menulis notasi muzik pada baluk dengan betul dan tepat secara konsisten. (Modul Membaca dan Menulis Notasi Muzik) <p>Psikomotor (Kemahiran memainkan alat muzik, menyanyi dan melakukan gerakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bernyanyi/Bermain alat muzik/dengan mengaplikasikan elemen muzik secara ekspresif dan konsisten. (Modul Pengalaman Muzikal) - Merancang dan melakukan pergerakan kreatif dari muzik yang didengar. (Modul Pengalaman Muzikal) <p>Afektif (Dinilai semasa aktiviti pengalaman muzikal)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sentiasa mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik dan menjadi contoh kepada murid lain.

Rajah 1.2. Standard Prestasi Pendidikan Muzik Kurikulum Standard Sekolah Rendah





Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran perlu dipelbagaikan. Murid perlu diberi peluang untuk membina pengetahuan. Menurut Powell & Kalina (2009), untuk menghasilkan pemikiran yang kukuh, murid perlu benar-benar memahami kandungan atau bidang pembelajaran. Bukan sekadar membaca sahaja. Piaget (dipetik melalui Powell & Kalina, 2009) mencadangkan bahawa manusia tidak boleh diberikan maklumat yang mereka segera fahami dan gunakan sebaliknya manusia perlu membina pengetahuan mereka sendiri. Teori sosial konstruktivisme ini menekankan tentang idea dan pengetahuan dibina melalui interaksi di antara guru, murid dan rakan sebaya. Teori ini merupakan dasar dan asas kepada pembentukan strategi pembelajaran koperatif.

Improvisasi yang perlu dikuasai oleh murid di dalam standard pembelajaran



Rendah (KBSR) yang tamat sepenuhnya pada tahun 2015. Pembelajaran improvisasi terkandung dalam aspek 3 huraihan sukanan pelajaran iaitu ekspresi kreatif di bawah item 3.2 mengimprovisasi corak irama dan 3.3 pengalaman kreatif (mereka cipta corak irama). Tujuan utama improvisasi muzik diperkenalkan dalam sukanan pelajaran pendidikan muzik adalah untuk memberi peluang murid melahirkan ekspresi kreatif melalui penciptaan melodi dan corak irama. Campbell (dipetik dalam Bernhard, 2014) menyatakan bahawa improvisasi merupakan teknik pengajaran yang membolehkan murid menerima pembelajaran muzik secara holistik apabila teori muzik, latihan aural dan persempahan digabungkan bersama-sama informasi yang pelbagai.





Tokoh muzik seperti Emilie Jaques-Dalcroze, Zoltan Kodaly dan Carl Orff turut memasukkan elemen improvisasi dalam pendekatan dan kaedah mereka. Eurhythms yang diperkenalkan oleh Dalcroze merangkumi tiga subjek utama iaitu rhythmic, solfege dan improvisasi. Ketiga-tiga subjek ini saling berkaitan dan sering digabungkan dalam sesi pembelajaran. Zoltan Kodaly dengan improvisasi corak irama manakala Orff Schulwerk pula menggunakan semua material Shulwerk terutama alat perkusi berpic untuk tujuan improvisasi. Juntunen (2015), menyatakan bahawa improvisasi muzik membantu murid mengaplikasikan kefahaman muzik yang dipelajari seperti irama, bentuk, harmoni dan dinamik agar kreativiti muzik dapat dibentuk dan dipertingkatkan. Kajian penyelidikan dijalankan oleh para sarjana juga turut menyokong improvisasi sebagai salah satu proses pemikiran kreatif.



Teams-Games-Tournament (TGT) boleh mempengaruhi pencapaian murid dalam mengimprovisasi idea muzik yang diberi. Jika murid berjaya melakukan improvisasi, secara tidak langsung murid boleh memahami standard pembelajaran 2.1.3 iaitu mencipta dan menyanyikan melodi mudah (mengajuk melodi dan mengimprovisasi 'jawapan' kepada 'soalan' melodi yang diberikan) dan sekali gus mencapai tahap penguasaan 5.

Berdasarkan perbincangan di atas, dirumuskan bahawa perkara-perkara di bawah merupakan antara masalah yang dikenal pasti:

- (i) Kesukaran murid-murid untuk melakukan improvisasi iaitu mencipta dan menyanyikan melodi mudah (mengajuk melodi dan mengimprovisasi 'jawapan'





kepada 'soalan' melodi yang diberikan) berdasarkan standard pembelajaran

2.1.3.

- (ii) Kesukaran murid-murid untuk mencapai tahap penguasaan 5 iaitu mengimprovisasi idea muzik yang diberi untuk menghasilkan karya muzik.

1.4 Kerangka Konseptual

Kajian ini bertujuan untuk membanding kesan kaedah pembelajaran koperatif Teams-Games-Tournament (TGT) dan kaedah pembelajaran tradisional terhadap pencapaian murid tahun 4 dalam mengimprovisasi idea muzik. Standard pembelajaran 2.1.3 (mencipta dan menyanyikan melodi mudah - mengajuk melodi, mengimprovisasi




improvisasi idea muzik bagi melayakkan mereka mendapat tahap penguasaan 5.

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen di mana sampel akan dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Kumpulan kawalan diajar dengan kaedah pembelajaran tradisional manakala, kumpulan eksperimen pula akan diajar dengan kaedah pembelajaran koperatif (Model TGT). Prestasi murid dalam ujian pos setelah menerima kaedah pembelajaran koperatif Teams-Games-Tournament (TGT) adalah di antara hasil kajian ini. Dijangkakan murid yang mengikuti pengajaran kaedah pembelajaran koperatif Teams-Games-Tournament (TGT) ini menunjukkan peningkatan pencapaian yang signifikan berbanding murid yang mengikuti kelas tradisional.





Kesan Pembelajaran Koperatif Teams-Games-Tournament (TGT) Terhadap Pencapaian Murid Tahun 4 dalam Mengimprovisasi Idea Muzik



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual

